



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 20 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	JPV LARANG PINDAH HAIWAN DIJANGKITI HS, LOKAL, HM -12 AMARAN LARANG PINDAH TERNAKAN DIJANGKITI PENYAKIT, NASIONAL, BH -16 TERNAKAN RUSA GEMENCHEH, PANORAMA, KOSMO AHAD -17 RUSA CENFERUNG 'BUNUH DIRI' JIKA ALAMI TEKANAN, PANORAMA, KOSMO AHAD -18 JPVNS BERSEDIA BERI BANTUAN KHIDMAT NASIHAT PENTERNAKAN RUSA, PANORAMA, KOSMO AHAD -19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6. 7.	BEKAS JURUTERBANG TERNAK IKAN JADE PERCH, NEGARA, KOSMO -12 TIMBA ILMU TANI DI MEDIA SOSIAL, XPRESI, METRO AHAD -34	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	12

JPV larang pindah haiwan dijangkiti HS

Kuantan: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengeluarkan amaran bagi melarang aktiviti pemindahan ternakan dari kandang serta ladang yang dijangkiti penyakit hawar berdarah atau *Haemorrhagic Septicaemia* (HS).

Ketua Pengarah JPV, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, tindakan berkenaan penting bagi memastikan penyakit itu yang menyebabkan kematian berskala besar tidak merebak ke seluruh negara.

Beliau berkata, pihaknya menasihatkan penternak yang haiwan mereka terdedah dengan penyakit HS supaya melakukan kuarantin terhadap ternakan mereka bagi memastikan ia tidak bergerak bebas, sekaligus mengelak dijangkiti penyakit berkenaan.

“Penyakit HS disebabkan bakteria *Pasteurella multocida* (*p multocida*) Carter’s Type B yang biasanya menyerang lembu serta kerbau dan boleh menyebabkan kematian



Penyakit HS kerap menyerang ternakan pada musim hujan, tetapi ia tidak menjangkiti manusia”

Dr Norlizan

dalam jangka masa antara lapan hingga 24 jam selepas dijangkiti.

“Penyakit HS kerap menyerang ternakan pada musim hujan, tetapi ia tidak menjangkiti manusia,” katanya melalui kenyataan media dikeluarkan, semalam.

Beliau berkata, penyakit HS mula dikesan di Kampung Banggol Katong, Serada, Kuala Terengganu membabitkan 30 kerbau.

Menurutnya, JPV Terengganu melakukan bedah sia-sat ke atas ternakan mati dan semua sampel dihantar ke makmal bagi tujuan pengesanan penyakit.

Amaran larang pindah ternakan dijangkiti penyakit

Kuantan: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengeluarkan amaran melarang aktiviti pemindahan ternakan daripada kandang serta ladang yang dijangkiti Haemorrhagic Septicaemia (HS). Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Datuk Dr Norizan Mohd Noor berkata, tindakan berkenaan penting bagi memastikan penyakit berkenaan yang menyebabkan kematian berskala besar tidak terus merebak ke seluruh negara.

Katanya, jabatan juga menasihatkan penternak yang ternakan mereka terdedah dengan penyakit HS supaya kuarantin ternakan, pastikan haiwan terabit tidak bergerak bebas bagi mengelak dijangkiti penyakit berkenaan.

Beliau berkata, penyakit HS adalah penyakit akut pasteurellosis yang disebabkan bakteria *Pasteurella multocida* (p multocida) Carter's Type B dan penyakit ini biasanya menyerang ternakan lembu dan kerbau dan boleh menyebabkan kematian dalam jangka masa lapan hingga 24 jam selepas dijangkiti.

"Penyakit HS kerap menyerang ternakan pada musim hujan, bagaimanapun penyakit berkenaan

tidak menjangkiti manusia," katanya melalui kenyataan media yang dikeluarkan, di sini semalam.

Beliau berkata, penyakit HS mula dikesan di Kampung Banggol Katong, Serada Kuala Terengganu membabitkan sebanyak 30 kerbau. JPV Terengganu melakukan bedah siasat keatas ternakan yang mati dan semua sampel dihantar ke makmal bagi tujuan pengesahan penyakit.

Norizan berkata, notis arahan kuarantin mengikut seksyen 18 Akta Binatang 1953 dikeluarkan dan diserahkan kepada penternak terabit pada 13 September lalu. Pemberian ubat antibiotik pada ternakan yang bergejala sudah dilakukan.

Tambahnya lagi, pihaknya sentiasa menasihatkan penternak mengenai kepentingan program pemvaksinan penyakit HS bagi tujuan pencegahan penyakit berkenaan yang boleh menyebabkan kerugian besar kepada penternak apabila lembu dan kerbau mati.

"Penyakit HS adalah penyakit bukan zoonotik (tidak berjangkit pada manusia), masyarakat diminta sihatkan tidak panik memandangkan tiada risiko penyakit berkenaan pada manusia.

"Kerjasama penternak amat diperlukan bagi melapor



Kerjasama penternak amat diperlukan bagi melapor kes disyaki penyakit HS di mana-mana Pejabat Veterinar Daerah berdekatan.

Dr Norizan Mohd Noor, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar



Keratan akhbar BH 15 September lalu.

rang kes disyaki penyakit HS di mana-mana Pejabat Veterinar Negeri atau Pejabat Veterinar Daerah berdekatan," katanya yang berharap penyakit berkenaan tidak terus merebak.

Sementara itu di Kuala Terengganu, Islam melarang menjual, memberi secara percuma atau memakan daging daripada ternakan berpenyakit.

Timbalan Mufti Terengganu,

Ahadi Othman, berkata hukum asal memakan dan menjual daging haiwan yang halal ialah haram tetapi bertukar menjadi haram jika daging yang sama boleh mendatangkan mudarat kepada kesihatan manusia.


Beliau berkata, JPV Terengganu sudah mengeluarkan larangan kepada penternak daripada memindah ternakan atau menjual daging yang dijangkiti HS.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/9/2020	KOSMO AHAD	PANORAMA	17

Impresi Kehidupan

KosmoAhad 20.09.2020

Panorama



-Ternakan rusa
Gemencheh



BEBERAPA ekor rusa yang diternak Khalid asyik menikmati kult pisang di Kampung Tenai, Gemencheh, Tampin, Negeri Sembilan.

Rusa cenderung 'bunuh diri' jika alami tekanan

DARI jauh nampak jinak dan bergerak dalam kumpulan sendiri, namun sebaik dihampiri, kesemuanya kaku dan hanya merenung ke arah individu yang merapat lalu bersedia untuk melarikan diri. Jika dikejar pula memang tidak terkejar, tapi jika disua makanan mungkin ada peluang untuk didekatinya. Itu yang dikongsi oleh seorang pengusaha ternakan rusa, Khalid Mohd. Diah di Kampung Tenai, Gemencheh, Tampin, Negeri Sembilan tentang haiwan tersebut yang sifat semula jadinya liar. Menurut Khalid, 54, hendak bezakan jantan dan betina cuma perlu lihat tanduk di kepala. Yang bertanduk itu jantan, yang tidak bertanduk itulah betina.

Adakalanya tanduk si jantan patah kerana bergaduh dengan jantan yang lain. Bahkan katanya, rusa menjadi garang semasa musim mengawan.

Namun, bagi Khalid, 54, yang sudahpun memelihara ternakan itu sejak kira-kira 10 tahun lalu untuk tujuan komersial berkata, menternak rusa lebih mudah berbanding menternak lembu dan kambing kerana rusa tidak memilih makanan serta tidak memerlukan penjagaan yang rapi.

"Cuma rusa ini memang binatang liar, hendak jinakkannya memang sukar. Haiwan ini sukar untuk didekati oleh orang lain. Malah, jika rusa berasa terancam, rusa cenderung untuk tertekan dan 'membunuh dirinya' sendiri. Bagaimana cara ia bunuh diri, itu sukar untuk dijelaskan tapi nanti kita didapati ia mati sendiri."

"Itu yang kita hendak elakkan. Hendak tangkap rusa macam tangkap kambing atau lembu itu memang tak dapatlah. Bahkan, untuk tujuan tersebut, sebuah bangunan gelap diperlukan untuk menangkap rusa jika mengambil kira infrastruktur ternakan rusa selengkapnya. Penggunaan bilik gelap itu



SEEKOR anak rusa kelihatan berehat di celah bilik gelap.

menyebabkan rusa kurang menyedari bahawa ia ditangkap manusia. Jika tahu ditangkap manusia, dikekuatiri haiwan itu tertekan lalu membunuh diri," katanya sekali gus membayangkan betapa sensitifnya haiwan tersebut.

Rusa secara amnya mempunyai jangka hayat selama 15 tahun. Berdasarkan nisbah rusa dari segi jantina pula, seekor rusa jantan



Oleh
NOR AINNA
HAMZAH

bersamaan dengan 10 ekor rusa betina. Haiwan ini sudah boleh dijual di pasaran sejak berusia setahun apabila beratnya mencecah 50 kilogram.

Pasaran

Ternakan rusa terkenal di Gemencheh sejak beberapa tahun lalu ekoran populariti sajian sup rusa yang diusahakan Khalid di kedai makannya. Namun, sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu, kedai makan yang terletak berhampiran kediamannya itu masih belum beroperasi.

Khalid atau lebih dikenali sebagai Odang menyatakan, pulangan bagi ternakan rusa agak lumayan kerana anak rusa yang berusia tiga bulan

EKSTRA RUSA

- Rusa ialah haiwan spesies *Cervus timorensis*. Ia tidak dikategorikan di bawah binatang liar yang dilindungi
- Jangka hayat sehingga 15 tahun
- Berat rusa dewasa ialah 80 hingga 120 kilogram (kg) bagi jantan dan 70 hingga 90 kg bagi betina
- Kawasan seekor (0.4 hektar) diperlukan bagi 10 ekor rusa

sahaja sudah bernilai RM1,000 di pasaran.

Bagaimanapun, menurutnya, dia lebih selesa menjual rusa matang iaitu sekitar usia dua tahun yang hilainya mencecah sekurang-kurangnya RM2,500 seekor di pasaran, namun ia bergantung pada saiz.

"Buat masa ini, ada 19 ekor rusa yang saya ternak dalam kawasan ladang kelapa sawit seluas kira-kira seekor (0.4 hektar). Bagaimanapun dalam tempoh 10 tahun ini, hampir 90 ekor rusa telah berjaya ditenak dan banyak yang telah dijual.

"Bagi pasaran rusa memang tak ada masalah, permintaannya agak tinggi dan saya juga merancang untuk memternak secara lebih komersial, namun banyak kemudahan yang perlu disediakan bagi tujuan berkenaan.

"Ramai yang minat dengan daging rusa dan ada yang membelinya untuk hidangan makanan kenduri perkahwinan," katanya yang memulakan ternakan rusa dengan modal sebanyak RM10,000 bagi 10 ekor rusa jenis Timorensis atau lebih dikenali sebagai rusa Jawa dalam kalangan penternak.

Malah, Odang juga berkongsi pengalaman manis sepanjang dia memternak rusa apabila banyak pihak dari merata tempat datang melawat untuk mempelajari penternakan rusa.

Berikutan pulangan yang baik daripada ternakan rusa, dua lagi penduduk di perkampungan itu turut menjadi penternak rusa. Mereka ialah Suhaimizan Elzar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gemencheh, Datuk Mohd. Isam Mohd Isa.

Tidak memilih makanan

Bagi Mohd Isam, dia berminat untuk turut sama memternak rusa selepas melihat pulangan lumayan yang diperolehi melalui aktiviti penternakan halwan itu.

Menurutnya yang pernah mendapat pengiktirafan Anugerah Bella Negara Peringkat Kebangsaan



KHALID (kiri) dan Mohd. Isam (kanan) merupakan antara penternak rusa di Gemencheh.

pada tahun 2007 sebelum bergelar wakil rakyat, usahanya memternak rusa bermula sejak Disember 2018.

"Saya mulakan dengan membeli 10 ekor rusa dan membuat pagar. Selepas setahun, anak-anak saudara balik semasa perayaan dan berminat untuk turut sama memternak rusa," katanya.

Mohd. Isam berkata, dengan modal yang diberikan anak-anak saudaranya, tambahan 10 ekor rusa lagi telah dibelinya.

"Kini, ada 20 ekor rusa matang dan dua anak rusa yang saya jangka hasilnya akan dapat dirasai dua tahun lagi," katanya.

Menurutnya, memternak rusa agak mudah berbanding binatang lain kerana rusa tidak memilih makanan.

"Saya tak pernah beli dedak dan sebagainya sebab di kampung ini banyak bekalan makanan seperti daun pisang, pucuk ubi, jagung, rumput napier dan sebagainya," katanya.

Malah, katanya, di kawasan ternakannya terdapat dua lokasi ragut yang mana rusa ini akan dilepaskan pada masa-masa tertentu oleh pekerjanya.

Jelasnya, penternakan rusa juga agak mudah berbanding penternakan lain kerana rusa kurang diserang penyakit serta tidak memerlukan penjagaan yang rapi.

KANDANG rusa yang diusahakan Mohd. Isam.



PENTERNAK rusa memerlukan kawasan yang luas bagi membolehkan halwan itu bergerak bebas.

JPVNS bersedia beri bantuan khidmat nasihat penternakan rusa

WALAU PUN pulangan agak lumayan, namun tidak ramai individu berminat untuk memternak rusa berbanding binatang lain berikutan kos belian bakanya yang mahal serta kos penyediaan infrastruktur yang tinggi.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS), Dr. Nik Hamidah Nik Husin berkata, selain baka yang mahal dan faktor infrastruktur itu, penternak juga perlu menyediakan kawasan yang luas bagi memternak rusa.

Bagaimanapun, menurutnya, pihaknya sedia membantu untuk menyalurkan khidmat nasihat kepada mana-mana pihak atau individu yang berminat untuk memternak rusa.

"Daripada bancian yang dilakukan pada tahun lalu, di negeri ini sahaja sebanyak 16 penternak rusa dicatatkan dengan jumlah ternakan mencecah 840 ekor.

"Semua daerah di negeri ini kecuali Jebebu mempunyai ternakan rusa di mana daerah yang paling banyak memiliki ternakan rusa ialah daerah Kuala Pilah iaitu lima penternak dengan jumlah ternakan sebanyak 455 ekor," katanya kepada Panorama.

Nik Hamidah berkata, daerah kedua tertinggi pula ialah Seremban iaitu tiga penternak dengan jumlah ternakan sebanyak 269 ekor, diikuti daerah Tampin (tiga penternak dengan 56 ekor), Port Dickson (dua penternak dengan 29 ekor), Jempol (dua penternak dengan 26 ekor) dan Rembau (seorang penternak dengan lima ekor).

Menurutnya, permintaan daging rusa dan rusa hidup adalah tinggi serta menggalakkan di negeri ini walaupun barganya mahal berbanding dengan daging lembu mahupun kambing.

"Bagi rusa hidup untuk tujuan pemeliharaan, harga jualan adalah sekitar RM2,500 hingga RM3,500 seekor.

"Sementara itu, untuk daging rusa segar pula, harga yang ditetapkan ialah sekitar RM70 hingga RM80 bagi sekilogram," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, kewujudan penggemar daging rusa boleh dikatakan bermusim dengan permintaannya tinggi ketika musim perayaan seperti ketika sambutan hari raya Aidilfitri dan Aidiladha.

Bekas juruterbang ternak ikan jade perch

Oleh ZAKKINA WATI AHMAD
TARMIZI

SEREMBAN - Seorang bekas juruterbang sebuah syarikat penerbangan, tidak menyangka usahanya memberi fokus kepada aktiviti pembenihan ikan berasal dari Australia iaitu jade perch semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu telah membawa hasil lumayan.

Borman Khairuddin, 49, berkata, aktiviti itu pada mulanya hanya untuk mengisi masa terluang ketika PKP tetapi dia kini mempunyai 3,000 anak ikan jade perch yang sedia untuk dilepaskan di tiga buah kolam ternakan ikan itu yang terletak di Ulu Bendul, Kuala Pilah.

"Semasa PKP saya ambil skim pembenihan sukarela (VSS), selepas berkhidmat selama empat tahun dengan syarikat itu.

"Selepas itu masa diuji di rumah dengan belajar buat pembenihan ikan jade perch, kini ada 3,000 anak ikan yang tunggu masa dilepaskan dalam kolam besar," jelasnya kepada Kosmo! Ahad ketika ditemui di rumahnya di sini baru-baru ini.

Borman menambah, dia telah mengeluarkan modal sebanyak RM350,000 bagi mengusahakan ternakan ikan tersebut dan percaya pelaburan besarnya itu



BORMAN menunjukkan ikan jenis jade perch yang diternakinya di kolam pemantauan yang terdapat di rumahnya di Seremban 2 semalam.

boleh memberi pulangan lumayan.

"Saya pernah mengalami kerugian kerana kolam ternakan di Seremban 2 disabotaj sehingga menyebabkan 17,000 ekor benih ikan mati. Saya kemudian berpindah ke Ulu Bendul.

"Saya menjual ikan ini dengan harga RM35 sekilogram manakala harga di restoran boleh mencecah sehingga RM150 satu hidangan. Ada pelanggan yang sudah

menempah ikan jade perch ini berulang kali kerana keenakan isinya yang lembut dan manis itu," katanya.

Menurutnya, ikan jade perch mempunyai khasiat yang lebih tinggi berbanding ikan salmon, namun tidak ramai yang mengetahuinya.

"Saya guna 100 peratus palet, tidak menggunakan sebarang vaksin atau bahan kimia," jelasnya lagi.

TIMBA ILMU TANI DI MEDIA SOSIAL

Dua sahabat pajak tanah asalnya dipenuhi hutan seluas 40 hektar untuk tanam jagung

AGRO

Oleh Hassan Omar
rencana@hmetro.com.my

Dalam kehidupan era siber sekarang, penyampaian ilmu tidak lagi seperti sebelum ini yang memerlukan pihak ingin menuntut ilmu hadir secara berhadapan dengan pihak menyampaikan ilmu.

Kini, ilmu mampu disampaikan atau ditimba melalui kemudahan teknologi komunikasi maklumat (ICT), terutama bagi netizen yang menjadikan laman sosial Facebook atau Instagram sebagai medium utama.

Hal itulah yang dilalui dua sahabat akrab, masing-masing mahir dalam bidang juruelektrik dan jurutera pesawat yang membuktikan ilmu mengenai industri penanaman jagung yang ditimba melalui Facebook mampu menjadikan mereka usahawan tani berjaya.

Norazwan Kamaruddin, 31, dan Mohd Saufee Kamarudin, 32, bermula dengan ketiadaan ilmu mengenai kaedah penanaman jagung, mereka membulatkan tekad serta azam untuk memulakan usaha menanam jagung di

kawasan seluas dua hektar di Kampung Jeram, Masjid Tanah dekat Alor Gajah pada Februari lalu.

Mereka tertarik dengan ilmu yang dicurahkan seorang pemilik akaun Facebook yang mengusahakan tanaman berkenaan di kawasan seluas 40 hektar di Rembau, Negeri Sembilan.

Dengan meneliti kaedah penanaman, penjagaan, penuaian dan pemasaran yang disediakan pemilik akaun itu, kedua-dua sahabat terbabit memulakan usaha berkenaan dengan memajak tanah yang asalnya dipenuhi hutan.

Norazwan menjelaskan, selain menimba ilmu daripada pemilik akaun terbabit, mereka turut membuat penelitian melalui carian dalam pelbagai laman sesawang mengenai kaedah penanaman jagung, risiko dan cabaran yang menunggu.

Selubungan itu, mereka memberanikan diri membuat pelaburan awal tidak kurang daripada RM10,000 untuk membersihkan hutan, membajak tanah dan menabur kapur sebelum memulakan usaha menanam jagung mutiara.



HORAZWAN menunjukkan jagung pulut yang ditanam di ladangnya di Kampung Jeram, Masjid Tanah dekat Alor Gajah.



MENGANGKAT batang jagung untuk dijual kepada penternak lembu.



MEMERIKSA minyak enjin pengoperan tr.

Tuaian pertama selepas tempoh berkenaan, kami memperoleh 9,000 tongkol (biji) jagung mutiara yang amat digemari peniaga jagung rebus kerana ia lebih lembut berbanding jenis lain

NORAZWAN

20/9/2020

METRO
AHAD

XPRESI

35

FOTO | HASSAN OMAR



NORAZWAN dibantu isteri, **Nurul Azirah Abdul Rahim, 31**, membungkus jagung untuk pelanggan.

Norazwan yang ketika itu kehilangan pekerjaan berikutan syarikat tempat beliau mencari rezeki sudah tamat kontrak penyelenggaraan sebuah kilang di Cheng, dekat bandar raya Melaka, memperkukuh azam dan semangat menempuh cabaran.

Bagaimanapun, Mohd Saufee bernasib baik kerana masih terus bertugas dengan sebuah syarikat di Kuala Lumpur, tetapi tidak pernah mengabalkan tugasnya memajukan tanah berkenaan apabila setiap kali tidak bekerja.

Norazwan menjelaskan, pada mulanya mereka menanam jagung mutiara di kawasan seluas hanya 0.4 hektar untuk membuat penilaian hasilnya selepas 65 hari.

"Tuai pertama selepas tempoh berkenaan, kami memperoleh 9,000 tongkol (bijil) jagung mutiara yang amat digemari peniaga jagung rebus kerana ia lebih lembut berbanding jenis lain," katanya ketika ditemui di kebunnya, baru-baru ini.

Bagi mendapatkan jagung berkualiti tinggi, mereka membuang dua atau tiga tongkol jagung pada setiap batang dan membiarkan hanya setongkol pada setiap batang.

"Kaedah itu membolehkan biji jagung tersusun rapi tanpa penyakit berbahaya yang mengancam ia membesar dengan subur," katanya.

Dengan memasarkan jagung mutiara pada harga RM10 untuk enam tongkol kepada pelanggan dalam talian dan setongkol RM1 kepada pemborong (belian antara 50 hingga 200 tongkol), mereka memperoleh pulangan antara RM7,000 hingga RM8,000 bagi setiap 0.4 hektar.

Bagaimanapun, bagi pemborong yang membeli jagung melebihi 1,000 tongkol, mereka menyediakan harga istimewa antara 70 sen hingga 80 sen setongkol.

Namun demikian, mereka tidak terkecuali daripada menghadapi ancaman haiwan perosak seperti babi hutan dan monyet. Bagi mengelak serangan berterusan, Norazwan mengaplikasikan kemampuannya dalam bidang elektrik untuk memasang pagar elektrik di kawasan tertentu kebun yang bersempadan dengan hutan.

Selepas tujuh bulan mengusahakan tanaman berkenaan, mereka sudah mampu tersenyum merikmati hasil tuai yang amat membanggakan dengan hasil jualan antara RM7,000 hingga RM8,000

setiap 0.4 hektar.

Bagi menambah perolehan, mereka mula mencuba menanam sedikit jagung pulut, selain memasarkan barang jagung yang sudah dituai kepada penternak lembu dan kerbau sekitar Masjid Tanah yang memerlukannya untuk dijadikan bahan makanan haiwan peliharaan mereka.

Penternak lembu dan kerbau memotong pendek batang jagung untuk dicampurkan dengan gula merah sebelum diperam antara dua hingga tiga minggu bagi dijadikan bahan makanan tambahan ternakan.

Dengan menawarkan batang jagung pada harga RM500 bagi setiap 0.4 hektar, kebun mereka sentiasa dikunjungi penternak lembu dan kerbau setiap kali mereka selesai menuai.



MENUAI hasil di kebun.



MENEBAK batuan bogak terpingu untuk dibasahkan apabila penternak lembu.